

Pk. P.U. 23.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004

FATWA MENGENAI KEDUDUKAN SENAMAN YOGA DI KALANGAN UMAT ISLAM

BAHAWASANYA Jawatankuasa Fatwa, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen 36 dan seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen 4 tahun 2004*], telah menyediakan fatwa yang terkandung dalam ini:

Dan bahawasanya menurut seksyen 37 Enakmen yang sama, Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan telah memperkenankan penyiaran fatwa ini dalam *Warta* dan Kerajaan Negeri telah dimaklumkan tentang fatwa ini:

Maka, oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Jawatankuasa Fatwa, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat dan menyiarkan fatwa yang berikut:

“Senaman yoga yang berasal dari masyarakat Hindu sejak sebelum masihi lagi merupakan gabungan amalan fizikal adalah sebahagian daripada mistik Hinduisme yang cara duduknya sama seperti yang digambarkan kepada tokong shiva dan fikiran dikosongkan supaya dapat bersatu dengan shiva, mengandungi unsur-unsur keagamaan dan pemujaan bagi tujuan tertentu adalah **HARAM** dan bertentangan dengan akidah umat Islam sama ada diamalkan dengan mentera atau hanya pergerakan badan. Oleh itu, mesyuarat **bersetuju memutuskan** bahawa apa jua jenis atau bentuk senaman yang mengandungi unsur-unsur tersebut di atas adalah **dilarang** dan **bertentangan dengan syariat Islam**”.

Bertarikh 13 Mei 2010

[MNPk.A351.IST/01/7 Jld. 2;

PU.Pk. 07/2001]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan

TAN SRI DATO' SERI (DR) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA
*Mufti dan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa
Negeri Perak Darul Ridzuan*